



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

SEMPENA

KEJOHANAN BOLING SEMPENA SAMBUTAN HARI
ULANG TAHUN KE-81 T.Y.T. YANG DI-PERTUA
NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2019

OLEH

TUAN YANG TERUTAMA
TUN DATO' SERI UTAMA (DR.) HAJI ABDUL RAHMAN
BIN HAJI ABBAS
YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG

TARIKH / MASA / TEMPAT

28 JULAI 2019 (AHAD)
2.00PETANG

MEGALANES BOWLING CENTRE
MEGAMALL PINANG
PERAI

Disediakan oleh Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa

Ucapan YBhg. Dato' YDP MPSP 2019

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas

Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat Ahli-Ahli EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Farizan Bin Darus

Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Yang Berbahagia Dato' Ar. Yew Tung Seang

Datuk Bandar

Majlis Bandaraya Pulau Pinang

Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir Hj Rosnani bt Hj Mahmod

Setiausaha Perbandaran

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Dato' Ir. Addnan Bin Mohd Razali

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Pulau Pinang

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Jabatan-Jabatan dan Agensi-Agensi Kerajaan

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berbahagia Dato' Seri, Yang Berbahagia Dato'-Dato', Yang Berbahagia Datin-Datin, Para Peserta Pertandingan Boling yang mewakili pelbagai Agensi dan Jabatan Kerajaan Negeri dan Persekutuan serta Pihak Berkuasa Tempatan

Rakan - Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat petang dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita berkumpul bersama-sama pada hari ini dalam Majlis Kejohanan Boling sempena Sambutan Hari Ulang Tahun ke-81 Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

Sempena dengan Majlis yang diadakan hari ini, saya bagi pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai dan penduduk Seberang Perai dengan penuh takzim dan penuh kesyukuran ingin Menjunjung Kasih Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, Yang Di Pertua Negeri Pulau Pinang serta mengucapkan Selamat Hari Lahir yang ke-81 kepada Tuan Yang Terutama Tun. Semoga dirgahayu hendaknya Tuan Yang Terutama Tun dengan dirahmati Tuhan dan dikurniakan kesihatan dan keselamatan yang berpanjangan, mendapat magfirah, diberkati usia, sihat tubuh badan dan dimurahkan rezeki untuk terus memayungi Pulau Pinang yang tercinta ini.

Melalui kesempatan ini, kami ingin menyampaikan rasa amat berbesar hati kami merayakan hari jadi Tuan Yang Terutama Tun sebagai menyatakan betapa tinggi penghargaan dan terima kasih kami terhadap

jasa dan khidmat bakti Tuan Yang Terutama Tun berserta Yang Amat Berbahagia Toh Puan kepada kerajaan dan rakyat di negeri ini.

Tuan Yang Terutama Tun, Yang Berbahagia Dato'-Dato', Yang Berbahagia Datin-Datin, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Penganjuran Kejohanan Boling ini diadakan sempena menyambut Sambutan Hari Ulang Tahun ke-81 Tuan Yang Terutama Tun bagi tahun 2019. Kejohanan ini disambut berselang seli dengan penganjuran kejohanan bowling dan kejohanan golf yang dianjurkan untuk sambutan hari ulang tahun Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan dibuat secara bergilir-gilir antara MPSP dan MBPP setiap tahun. Bagi Tahun 2019, kejohanan boling dianjurkan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan telah ditetapkan berlangsung selama 3 hari bermula pada 26 Julai 2019 sehingga 28 Julai 2019 di Megalanes Bowling Centre, Megamall Pinang, Perai.

Kejohanan kali ini melibatkan penyertaan seramai 282 orang peserta (termasuk Ahli Majlis). Sebanyak tiga (3) kategori dipertandingkan iaitu Kategori Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Kategori Agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kategori VIP (individu). Kategori Pihak Berkuasa Tempatan melibatkan penyertaan 34 pasukan [tiga (3) orang sepasukan],

Kategori Agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang pula melibatkan penyertaan sebanyak 31 pasukan [empat (4) orang sepasukan]. Manakala, Kategori VIP pula disertai 56 orang termasuk Ahli Majlis.

Hadiah-hadiah istimewa disediakan untuk semua kategori kejohanan iaitu acara *single*, *double* dan *trio*. Johan keseluruhan untuk kategori Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan menerima wang tunai sebanyak RM5,000.00 beserta piala dan bagi kategori Agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan menerima wang tunai sebanyak RM2,000.00.

Sambutan kali ini daripada Pihak Berkuasa Tempatan dan Agensi Kerajaan amatlah memberangsangkan. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan dan Agensi Kerajaan yang terlibat dalam menjayakan kejohanan ini.

Tuan Yang Terutama Tun, Yang Berbahagia Dato'-Dato', Yang Berbahagia Datin-Datin, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Tun kerana sudi memperkenankan pengisytiharan Bandaraya Seberang Perai pada 16

September 2019. MPSP sedang merangka pelan jangka pendek, sederhana, panjang dan hala tuju strategi Bandaraya.

Pengisytiharan ini menjadi titik tolak perubahan ke arah Bandaraya yang lebih mampan iaitu menjadikan Seberang Perai sebagai Bandaraya Rendah Karbon dan Bandaraya Pintar menjelang 2022 serta menjadi Bandaraya Karbon Neutral menjelang 2030.

Pelan Hala Tuju Strategik member penekanan kepada meningkatkan keupayaan ekonomi Seberang Perai khususnya golongan B40, memperbanyakkan pocket park, meningkatkan kebersihan, kawalan banjir, penyuraian trafik dan lalulintas, dan yang lebih penting member penyampaian perkhidmatan yang mudah, pantas dan jelas.

MPSP memberi penekanan kepada aspek inklusif dan suara rakyat adalah suatu yang bernilai kepada Bandaraya. Inilah perubahan MPSP setelah menjadi Bandaraya.

Tuan Yang Terutama Tun, Yang Berbahagia Dato'-Dato', Yang Berbahagia Datin-Datin, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Saya tidak berhasrat untuk berucap lebih panjang lagi kerana saya percaya semua peserta tidak sabar untuk memulakan permainan. Saya yakin semangat kejohanan seperti ini akan berterusan demi untuk menjadikan Negeri Pulau Pinang agar sentiasa aktif dalam bidang sukan dan rekreasi.

Sebelum mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya mengucapkan Selamat Hari Lahir Yang ke-81 kepada Tuan Yang Terutama Tun, semoga Tuan Yang Terutama Tun sentiasa mendapat rahmat dan keberkatan dari Allah SWT dan dianugerahkan kesihatan yang sejahtera untuk terus menjadi tonggak utama Negeri Pulau Pinang. Sesungguhnya kami amat berbesar hati dan amat berbangga mempunyai penaung yang sentiasa dekat di hati kami dan juga masyarakat Negeri Pulau Pinang. Saya juga ingin memohon maaf khususnya kepada Tuan Yang Terutama Tun, jika ada ketelanjangan kata, salah bicara sepanjang ucapan ini.

Ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada urusetia dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan majlis pada hari ini.

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum

Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.